

Semangat 46 beri Pas 35 kerusi saja dalam pilihanraya nanti -PM

M.M 15 JUL 1990

KULIM 14 Julai — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendakwa Pas telah diberi oleh Parti Semangat 46 dengan peruntukan 35 kerusi sementara 46 mendapat 60 kerusi dalam pilihanraya umum akan datang.

Katanya, kerjasama Parti 46 dengan Pas hanya untuk mendapatkan undi dari para penyokong parti pembangkang itu.

Mereka yang menyokong Parti 46 bermakna juga menyokong DAP yang ternyata menentang pembentukan negara Islam, kata Perdana Menteri semasa berucap di perhimpunan rakyat yang dihadiri oleh kira-kira 8,000 orang di Sekolah Kebangsaan Malau, dekat sini petang ini.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar, Dato' Sri Haji Osman Aroff, Setiausaha Agung UMNO, Dato' Mohamad Rahmat serta ketua-ketua komponen parti Barisan Nasional.

Perdana Menteri juga turut mendedahkan bahawa Parti Semangat 46 kini sedang mencari bekas wakil-wakil rakyat dan mereka yang tidak mendapat tempat dalam UMNO untuk menyokong mereka.

Beliau yakin Parti Pas juga akan turut musnah apabila bekerjasama dengan Semangat 46 seperti mana pemimpin mereka mengharamkan UMNO.

Perdana Menteri menegaskan, kerjasama semangat 46 dengan Pas dan DAP menyebabkan ramai penyokong Pas dari Kelantan dan beberapa negeri lain telah memberikan sokongan kepada UMNO.

Malah, menurut Perdana Menteri orang-orang dari negeri Kelantan sendiri sekarang tidak lagi memberi sokongan kepada pemimpin 46, Tengku Razaleigh Hamzah.

Mengenai tindakan akhbar-akhbar milik DAP, Rocket dan Harakah kepunyaan Pas, Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam

Negeri berkata kerajaan boleh mengambil tindakan menutup akhbar tersebut kerana hanya menghentam kerajaan.

Walaupun kerajaan mempunyai kuasa untuk berbuat demikian, kerajaan tidak akan menggunakan kuasa sewenang-wenangnya kerana memberikan peluang rakyat bersuara, kata Dato' Sri Dr. Mahathir lagi.

Perdana Menteri juga mengingatkan rakyat bahawa, negara ini aman kerana kerajaan pemerintah yang kukuh dan tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak.

Parti-parti lain tidak mampu untuk menubuhkan kerajaan kerana mereka tidak mungkin dapat bekerjasama seperti mana kerjasama parti-parti dalam komponen Barisan Nasional, ujar Perdana Menteri lagi.

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak akan menggunakan kuasa sewenang-wenang kerana rakyat yang memilih Barisan Nasional memerintah negara ini.

Beliau meminta rakyat membandingkan antara Barisan Nasional dengan parti-parti lain sambil mempersoalkan apakah perkara positif yang telah dibuat oleh parti-parti tersebut.

Perdana Menteri juga menyuarakan rasa dukacita terhadap perjumpaan pemimpin Pas sekarang yang sanggup menipu orang-orang Islam sendiri kerana bekerjasama dengan DAP.

Beliau juga berharap para penyokong Barisan Nasional bekerja keras untuk menentukan kemenangan dalam pilihanraya akan datang.

Terdahulu dari itu, Perdana Menteri telah diarak oleh kira-kira 500 penunggang motosikal ke majlis perhimpunan rakyat itu.

Selepas majlis itu Perdana Menteri mengadakan perjumpaan tertutup dengan pekerja-pekerja jentera pilihanraya Barisan Nasional di Sekolah Menengah Labu Besar dekat situ.